

# JEJANTAS IKONIK SAMARAHAN DIBUKA SELEPAS KELUAR CPC

July 31, 2016, Sunday

Borneo Post



**MERIAH:** Fadillah (empat kiri) merakam kenangan bersama kakitangan serta tetamu Rumah Terbuka Aidilfitri 2016 anjuran BTN Sarawak, semalam.

**Projek RM4 juta adalah pertama seumpamanya di S'wak**  
Oleh Sandy Mark Luna //

**KUCHING:** Jejantas ikonik untuk pejalan kaki, basikal dan motosikal di Jalan Datuk Mohammad Musa, Kota Samarahan dijangka dibuka kepada orang ramai dalam masa terdekat.

Menurut Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof, projek pembinaan jejantas pertama seumpama itu di negeri ini telah pun siap sepenuhnya dan mula diguna apabila sijil perakuan (CPC) dikeluarkan.

“Sebaik sahaja disah selamat untuk digunakan, kita membukanya kepada orang ramai dan diharap ia dibuka bulan hadapan,” katanya ketika ditemui pemberita pada Rumah Terbuka Aidilfitri 2016 anjuran Biro Tatanegara (BTN) Sarawak di Dewan Datu Merpati Jepang, Jalan Patinggi Ali, di sini, semalam.

Projek pembinaan jejantas memakan kos lebih RM4 juta itu dimulakan pada Ogos tahun lepas.

Difahamkan, jejantas motosikal dan pejalan kaki adalah sepanjang 50 meter dan lebar empat meter di pintu masuk belakang UNIMAS merentasi Jalan Kuching-Samarahan.

Ia dibina bertujuan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya membabitkan pejalan kaki dan penunggang motosikal khusus dalam waktu puncak.

Selain itu, pembinaan jejantas itu juga dapat mengurangkan masa dan jarak perjalanan menyeberangi lebuh raya Kuching-Samarahan-Asajaya.

Sementara itu ketika mengulas mengenai projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo, Fadillah berkata, tender bagi 11 projek sudah dikeluarkan, di mana tiga daripadanya sedang dilaksanakan manakala selebihnya menunggu surat anugerah projek (LoA) telah diberi kepada kontraktor.

“Kita berharap menjelang bulan depan semua dapat dimulakan. Saya minta semua pengguna jalan raya untuk berhati-hati kerana ia merupakan kerja pembinaan (Lebuh Raya Pan Borneo) akan dijalan secara besar-besaran dari Kuching ke Miri, termasuk Sematan ke Kuching,” katanya.

Fadillah juga Ahli Parlimen Petra Jaya berkata, selain projek mega itu, dua lagi projek pembinaan jambatan iaitu jambatan Batang Sadong dan Batang Samarahan sedang dijalankan.

Manakala dua lagi projek iaitu Jambatan Rambungan dan Batang Igan dalam proses pengeluaran tender.

“Kita juga menubuhkan jawatankuasa bersama antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri untuk melihat lebih lanjut ke atas projek pembinaan Batang Lupar yang dicadangkan,” katanya.

Difahamkan, panjang jambatan itu adalah lebih kurang 5 kilometer dan kos pembinaannya adalah lebih kurang RM800 juta.